

NO. SOALAN: 236

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

SOALAN NO. 236

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan untuk memperbaiki dan menaik taraf perkakasan dan peralatan di Sekolah Kebangsaan Kepong Baru khususnya masalah bumbung bocor dan banjir setiap kali hujan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyalurkan peruntukan penyelenggaraan dan pembaikan sekolah-sekolah di bawah KPM secara berperingkat berdasarkan skala kerosakan dalam Skor Gred Impak yang disyorkan oleh jabatan/ bahagian/ institusi/ Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi membolehkan kerosakan-kerosakan kritikal pada bangunan dan infrastruktur ditangani terlebih dahulu. KPM telah menyalurkan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan/ pemberian bangunan di Sekolah Kebangsaan Kepong Baru bagi tahun tempoh 2017 sehingga Jun 2019 seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)
2017	18,000
2018	59,000
2019	20,000

NO. SOALAN: 236

Untuk makluman, sebagai contoh KPM melalui Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (JPWP) Kuala Lumpur telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan bumbung pada bulan Ogos 2018 dan pembaikan pintu kelas yang rosak pada bulan Oktober 2018.

RT27/236